

| | | | |
|------------|---------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Kes baharu HIV turun 50 peratus | | |
| MediaTitle | Mingguan Malaysia | | |
| Date | 25 May 2014 | Color | Black/white |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 366,469 |
| Page No | A8 | Readership | 1,099,407 |
| Language | Malay | ArticleSize | 214 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,141 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,423 |



Kes baharu HIV turun 50 peratus

KUALA LUMPUR 24 Mei - Kes baharu jangkitan HIV di Malaysia mencatatkan penurunan lebih 50 peratus dalam tempoh 11 tahun iaitu daripada 6,978 kes dilaporkan pada 2002 kepada 3,393 kes pada tahun lepas, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr. S. Subramaniam.

Beliau berkata, kes baharu jangkitan HIV dalam kalangan pengguna dadah yang menggunakan kaedah menyuntik iaitu golongan berisiko tinggi dijangkiti HIV yang sebelum ini mencatatkan jumlah tertinggi, turut mencatatkan penurunan secara konsisten.

"Ini adalah hasil program Pengurangan Kemudaratan (Program Pertukaran Jarum dan Alat Suntikan dan Terapi Gantian Metadon) yang dilancarkan secara bersama oleh Kementerian Kesihatan dan Majlis AIDS Malaysia serta ahli gabungan pada 2006.

"Sejak program tersebut dilancarkan, jangkitan baharu HIV setiap tahun dalam kalangan pengguna dadah juga telah menurun daripada 53 peratus pada tahun 2006 kepada hanya 22 peratus tahun lepas - penurunan lebih separuh dalam tempoh masa yang amat singkat," katanya dalam ucapan pada perasmian mesyuarat dwitahunan kali ke-12 Majlis AIDS Malaysia di sini, hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) Datuk Dr. Lokman Hakim Sulaiman.

Dr. Subramaniam berkata, kerajaan yakin akan dapat mencapai Matlamat Pembangunan Milenium yang meletakkan sasaran membasmi 11 jangkitan baharu bagi setiap 100,000 penduduk menjelang tahun 2015.

Beliau menambah dalam meraikan pencapaian yang amat positif ini, Malaysia tidak seharusnya lupa akan situasi yang semakin serius yang membelenggu epidemik HIV di Malaysia iaitu peningkatan jangkitan HIV disebabkan transmisi seksual.

"Jangkitan seks telah menyumbang lebih 74 peratus kes baharu tahun lepas - satu peningkatan yang drastik berbanding hanya 32 peratus kes lima tahun sebelumnya," katanya.

Dr. Subramaniam berkata, seks dalam konteks HIV merupakan satu isu yang amat sensitif dan kompleks untuk ditangani, justeru beliau meminta pegawai kementerian berusaha dengan giat bagi mencari kaedah penyelesaian yang menyeluruh dalam membanteras jangkitan melalui seksual.

Antara yang akan dilaksanakan adalah penubuhan Jawatankuasa Bertindak bagi menangani transmisi seksual HIV, menggalakkan berkhatan dalam kalangan lelaki berikutan kaedah itu diakui berjaya menurunkan kadar jangkitan HIV sebanyak 64 peratus, katanya.

"Adalah diharapkan juga, mereka yang dijangkiti HIV bertindak secara jujur dan bertanggungjawab untuk tidak menularkan HIV kepada pasangan mereka," kata Dr. Subramaniam.

Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit (Penyakit Berjangkit) dan Ketua Sektor (AIDS/STI) Dr. Sha'ari Ngadiman dalam sidang akhbar selepas majlis perasmian itu berkata, pada tahun 80-an dan 90-an, 70 peratus daripada jangkitan HIV adalah melalui jarum suntikan pentalahgunaan dadah.

Namun kini sebahagian besar daripada jangkitan HIV adalah melalui hubungan seksual melibatkan pekerja seks, hubungan seks antara lelaki dan lelaki dan jangkitan melalui pasangan, katanya.

Jelas beliau, kumpulan umur yang mencatatkan peningkatan dalam kes jangkitan baharu ialah mereka yang berusia 13 hingga 29 tahun dan golongan berusia 50 tahun ke atas.

Faktor utama mendapat jangkitan adalah aktif melakukan seks dan tidak mengamalkan seks secara selamat, kata Sha'ari. - BERNAMA